

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 63

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pemberian peruntukan untuk membina sebuah klinik kesihatan baru di Kampung Gum-gum serta menaik taraf infrastruktur dan kemudahan di klinik desa dan klinik komuniti yang sedia ada.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil berat akan keperluan untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan klinik yang sedia ada di sesebuah kawasan jika terdapat keperluan.

Untuk makluman, pada masa ini terdapat dua (2) buah fasiliti kesihatan di Kampung Gum Gum iaitu Klinik Desa dan Klinik Komuniti Gum Gum. Klinik Desa Gum Gum telah mula beroperasi sejak tahun 1970-an dan telah beberapa kali dinaik taraf dan sekarang merupakan bangunan binaan konkrit. Bagaimanapun dengan keluasan 0.3 ekar, klinik ini tidak dapat untuk dinaiktaraf kepada klinik kesihatan atau dibesarkan lagi. Oleh itu, pada tahun 2015, Klinik Komuniti telah diwujudkan di Projek Perumahan Rakyat Gum Gum untuk menyediakan perkhidmatan jagaan primer. Klinik ini juga telah ditempatkan dengan Pegawai Perubatan.

Kerajaan memang mengakui bahawa terdapat keperluan sebuah klinik kesihatan di kawasan ini memandangkan jarak antara Klinik Desa dan Klinik Komuniti adalah sejauh 1.5 km. Bagaimanapun, pembinaan klinik Kesihatan yang baru ini memerlukan kerjasama pemimpin politik tempatan dan kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak baru dengan keluasan dan lokasi yang bersesuaian.

Pada masa ini, bagi menambah baik perkhidmatan Kesihatan di kawasan Libaran, KKM akan membina sebuah Klinik Kesihatan Jenis 6 dengan Kuarters di Kampung Sungai Manila yang dijadualkan akan ditender pada akhir tahun 2019.

Sekian, terima kasih.